

**PEMATUHAN SYARAT-SYARAT
PENGAWASAN ORANG KENA
PENGAWASAN (OKP)**

PENGENALAN

Maksud OKP ialah:

- i. Mana-mana individu yang telah mendapat perintah oleh mahkamah atau secara sukarela menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan selepas tamat tempoh yang ditetapkan individu tersebut perlu menjalani pengawasan di AADK Daerah;
- ii. Mana-mana individu yang telah diperintahkan oleh mahkamah atau secara sukarela menjalani pengawasan di AADK Daerah

SEKSYEN 6(1)(a) AKTA PENAGIH DADAH
(RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983

[AKTA 283]

- Mana-mana individu yang telah diperintahkan oleh majistret untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan yang ditetapkan selama tempoh dua tahun dan selepas itu menjalani pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan selama tempoh dua tahun.

SEKSYEN 6(1)(b) AKTA PENAGIH DADAH
(RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983[AKTA
283]

- Seksyen 6(1)(b) “mana-mana individu yang telah diperintahkan oleh majistret untuk diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan selama tempoh tidak kurang daripada dua dan tidak melebihi tiga tahun”.

SEKSYEN 8(3)(b) AKTA PENAGIH
DADAH (RAWATAN DAN
PEMULIHAN) 1983[AKTA 283]

- *8(3)(a) mana-mana individu yang dengan sukarela menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan selama tempoh dua tahun dan selepas itu menjalani pengawasan oleh seorang pegawai selama tempoh dua tahun;*
- *8(3)(b) mana-mana individu yang dengan sukarela menjalani pengawasan seorang Pegawai Pemulihan bagi tempoh tidak kurang daripada dua dan tidak melebihi tiga tahun dan tertakluk kepada syarat-syarat pengawasan.*

SEKSYEN 38(B) AKTA DADAH BERBAHAYA 1952[AKTA 234]

- *(1) Jika seseorang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Seksyen 15 (ADB), dia hendaklah, dengan serta-merta selepas menjalani hukuman yang dikenakan ke atasnya berkenaan dengan kesalahan itu, menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Penagih Dadah(Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi tempoh tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada tiga tahun sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah.*

SYARAT-SYARAT PENGAWASAN DI BAWAH SEKSYEN 6(2) APD (R&P) 1983

- Seksyen 6(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 iaitu; Sesuatu perintah pengawasan yang dikenakan ke atas seseorang di bawah perenggan 1(a) dan (b) hendaklah mengandungi syarat- syarat yang berikut :
- (a) mestilah tinggal di kawasan yang ditetapkan.
- (b) tidak boleh meninggalkan kawasan tempat tinggal tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah.
- (c) Melaporkan diri di Balai Polis yang ditetapkan.
- (d) Tidak boleh mengambil, menggunakan atau memilki apa-apa dadah berbahaya.
- (e) Hendaklah menjalani apa-apa ujian pada bila-bila masa.
- (f) Hendaklah menjalani apa-apa program pemulihan yang ditetapkan

HUKUMAN BAGI OKP YANG TIDAK PATUH
SYARAT-SYARAT PENGAWASAN SEKSYEN
6(1)(a), 6(1)(b) dan SEKSYEN 38

- Mana-mana orang yang sedang menjalani pengawasan dibawah perenggan (1) (a) atau (b) yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau sebatan tidak melebihi 3 sebatan atau kedua-duanya.

HUKUMAN SEKSYEN 8(3)(a) & 8(3)(b)

- Kaedah-kaedah Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Syarat-syarat Pengawasan Bagi Penagih Dadah Yang Menjalani Rawatan Dan Pemulihan Dengan Sukarela) 1998
- (2) Mana-mana orang yang sedang menjalani pengawasan sama ada di bawah perenggan 8(3)(a) atau (b) yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dihukum denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.